

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SUP302: Pengurusan Personel

Tarikh: 14 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang

(3 jam)

---

Jawab 4 soalan sahaja. Markah penuh bagi setiap soalan ialah 25 markah.

1. Sebutkan 5 perkara yang boleh dijadikan matlamat-matlamat Pengurusan Personel. Bagaimanakah perancangan tenaga manusia boleh membantu usaha ke arah pencapaian matlamat-matlamat tersebut.
2. Temuduga merupakan satu kaedah pemilihan yang selalu dipakai tetapi ia mempunyai berbagai kelemahan. Apakah caranya untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut?
3. Apakah faedah penilaian prestasi? Cadangkan satu sistem penilaian prestasi yang berkesan. Beri sebab-sebab yang memungkinkan sistem itu jadi berkesan.
4. Apakah matlamat-matlamat latihan dalaman sesebuah organisasi? Bincangkan kaedah-kaedah latihan yang patut dipakai untuk mencapai matlamat tersebut.
5. Huraikan secara ringkas dasar-dasar dan kaedah-kaedah yang boleh dipakai untuk menetapkan ganjaran pekerja. Apakah kekuatan dan kelemahan dasar/kaedah itu? Beri contoh sebuah organisasi yang menggunakan dasar-dasar dan kaedah-kaedah tersebut.
6. Terangkan ciri-ciri penting Pengurusan Personel di Jepun dan bincangkan ciri-ciri mana yang kita di Malaysia patut contohi dan mana patut kita tolak.

-ooo000ooo-

